



SIARAN AKHBAR

KENYATAAN JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Satu kenyataan yang dibuat oleh Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menyatakan bahawa:

Jabatan Perikanan, Negara Brunei Darussalam ingin memaklumkan, berdasarkan maklumat yang telah diterima dari Jabatan Perikanan Sabah bahawa air kemerah-merahan telah dikesan di kawasan Kampong Binsuluk, Membakut, Sabah. Sebagai peringatan dan langkah berjaga-jaga, orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak memakan mana-mana jenis kerang-kerangan dan ikan-ikan kecil yang tidak dapat dibuang insang, perut dan organ-organ dalaman nya dari kawasan yang terjejas, atau tidak diketahui tempat asalnya. Sehubungan dengan ini juga, orang ramai adalah diingatkan untuk membuang semua insang, perut dan organ-organ dalaman ikan sebelum dimasak.

Untuk makluman jua, hasil daripada pemantauan air kemerah-merahan yang telah dibuat oleh Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan di perairan Negara Brunei Darussalam mendapati bahawa perairan negara adalah bebas daripada kejadian air kemerah-merahan. Jabatan Perikanan akan terus membuat pemantauan kejadian air kemerah-merahan di Negara ini dan akan memaklumkan kepada orang ramai tentang keadaan terkini dari masa kesemasa.

Orang ramai, terutama para nelayan adalah diseru untuk membantu jabatan perikanan dalam mengesan kejadian air kemerah-merahan di perairan negara ini dengan melaporkan sebarang kejadian perubahan warna air dan jika menjumpai sebarang kejadian ikan mati dalam jumlah yang banyak dimana-mana kawasan perairan dan pantai-pantai di negara ini, melalui talian berikut: 2770066 (waktu bekerja) dan 7297771 (hotline jabatan perikanan). Tamat.

**Jabatan Perikanan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Tarikh: 14 zulhijjah 1441H / 05 ogos 2020M**

